

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 5/12/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Minggu Kejuruteraan Bukti Pelajar UNIMAS Mampu Berdaya Saing.

# Minggu Kejuruteraan bukti pelajar UNIMAS mampu berdaya saing

**KOTA SAMARAHAN:** Pelajar Fakulti Kejuruteraan (FK) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di bawah persatuan Seksyen Pelajar IEM-UNIMAS sekali lagi menganjurkan program Minggu Kejuruteraan 2013 bermula semalam hingga 7 Disember ini.

Minggu Kejuruteraan selama empat hari itu merupakan kesinambungan program yang sama tahun lepas, selain sempena ulang tahun ke-20 FK yang bertemakan 'Engineering Beyond Technology.'

Menurut Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelewitan) FK Dr Hushairi Zen, penganjuran program berskala besar seumpama itu membuktikan bahawa siswazah-siswazah FK mampu berdaya saing dengan siswazah dari fakulti lain.

"Dengan penganjuran program seumpama ini, kita dapat lihat bahawa pelajar kita tidak hanya berkemampuan dalam aspek pelajaran bahkan ia membuktikan mereka mempunyai bakat besar dalam pengurusan sesuatu program."

"Selain itu, program seumpama ini juga memberi peluang kepada mereka untuk mendekatkan diri dengan masyarakat luar sekali gus menunjukkan saingan sihat dengan siswazah fakultilain," ujarnya ketika berucap pada Majlis Perasmian Minggu Kejuruteraan FK UNIMAS, di sini semalam.



**INOVATIF:** Dr Hushairi (kiri) menerangkan ciptaan inovatif model-model pesawat hasil rekaan pelajar-pelajar FK kepada tetamu jemputan serta penaja-penaja Minggu Kejuruteraan 2013.

Sehubungan itu, pelbagai acara dijalankan sepanjang Minggu Kejuruteraan itu seperti 'A Day with IEM,' 'Hybrid Car Auto-show,' 'RC Flying Exhibition and Workshop,' 'Women Engineers Session,' Pertandingan Futsal Piala Naib Canselor,

'Let's Bake' serta Forum Perdana.

Selain itu, pelajar-pelajar FK yang terlibat dengan program itu juga mengadakan program Semaian Bakti Siswa di mana mereka membantu peniaga di Medan Niaga Satok untuk mengumpul dana bagi

menyumbangkan bantuan kepada 20 orang miskin di Kampung Meranek.

Hadir sama ialah Pengarah Program Muhammad Faizal Hafiz Shamsi, ketua-ketua jabatan, pensyarah-pensyarah FK serta mahasiswa-mahasiswi FK.